



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 12.00 tengah hari, 25 Jun 2026.

Untuk Terbitan Media
25 Jun 2026

SIARAN MEDIA

TIGA MINGGU BERKUAT KUASA, LEBIH 62 PERATUS KES TUNTUTAN LINDUNG 24 JAM DILULUSKAN PERKESO, FAEDAH LEBIH RM670,000 DISALURKAN

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyalurkan bayaran faedah berjumlah RM672,743.10 menerusi skim baharunya, LINDUNG 24 Jam, bagi membantu pencarum yang ditimpa musibah di luar waktu kerja.

Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan memaklumkan dalam tempoh 21 hari pertama pelaksanaan sejak 1 Jun lalu, PERKESO membuktikan kecekapan operasinya dengan meluluskan 136 kes tuntutan faedah LINDUNG 24 Jam yang diterima pertubuhan itu.

"Ramai yang memahami bahawa PERKESO memberi perlindungan apabila kemalangan berlaku di tempat kerja sahaja, namun menerusi LINDUNG 24 Jam, ia kini diperluaskan kepada insiden luar waktu kerja termasuk hari cuti.

"Langkah proaktif ini, meluluskan 62.9 peratus tuntutan bertujuan memastikan Orang Berinsurans (OB) yang ditimpa musibah di luar waktu tugas hakiki mereka tetap mendapat pembelaan sewajarnya, sekali gus menutup kelompangan yang wujud sebelum ini," menurut beliau.

Ramanan menjelaskan, perlindungan komprehensif seperti ini amat penting kerana musibah boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa mengira waktu dan lokasi, seperti yang dibuktikan menerusi beberapa kes awal yang diterima pihaknya.

Antara penerima terawal skim LINDUNG 24 Jam adalah melibatkan tragedi menyayat hati, kemalangan maut di Simpang Renggam, Johor yang menyaksikan dua mangsa, Husnizam Hisamudin, 43, dan Muhammad Amirul Hazim Mison, 22, menjadi penerima pertama skim berkenaan.

Sementara itu di Keningau, Sabah, petugas Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Brissty Vidalyn Felicianus, 33, turut dilindungi selepas kenderaan dinaikinya terbabas ke dalam gaung ketika pulang daripada aktiviti pendakian.

"Mangsa yang mengalami patah bahu dan kaki kanan itu kini dalam pemantauan Skwad Prihatin PERKESO dan disahkan menerima gantian pendapatan Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) sepanjang tempoh cuti sakitnya.

"Kepentingan perlindungan 24 jam ini turut dizahirkan di Perak, melibatkan seorang *runner* syarikat kereta terpakai, Chen Chee Ling, 51, yang patah pergelangan tangan kanan akibat tergelincir di sebuah kedai makan ketika menjamu bersama keluarga," katanya.

Mengulas lanjut, beliau mengingatkan semua majikan dan pekerja di seluruh negara untuk memastikan caruman dipatuhi sebaiknya demi menjamin perlindungan yang optimum, bukan hanya ketika bekerja tetapi juga di luar waktu bekerja.

"Sama ada ketika bersukan, beriadah, bercuti mahupun menjalani aktiviti harian, kemalangan boleh mengubah kehidupan seseorang dalam sekelip mata dan caruman inilah yang akan membantu kelangsungan hidup mereka," tambah kenyataan itu.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

25 Jun 2026